



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
9 September 2026**

30 Tahun Mencipta Impak: PNB Terus Membentuk Bakat Masa Depan Malaysia

Hampir RM570 juta dilaburkan dalam inisiatif pendidikan dan pembangunan bakat, memupuk lebih 6,000 biasiswa sejak tahun 1996

KUALA LUMPUR, 9 September 2026: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini meraikan ulang tahun ke-30 program biasiswanya, memperingati tiga dekad pelaburan dalam pembangunan bakat Malaysia serta melahirkan generasi biasiswa yang kini menjadi penyumbang kepada kemajuan PNB, sektor korporat Malaysia, institusi awam dan masyarakat secara keseluruhan.

Detik bersejarah ini diraikan dalam sebuah majlis khas yang dihadiri oleh Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB; dan Dato' Rizal Rickman Ramli, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, bersama alumni biasiswa PNB daripada pelbagai generasi. Sempena ulang tahun ke-30 ini, PNB turut melancarkan PNB Lumina, sebuah platform untuk alumni biasiswa PNB berhubung, membimbing, memberi inspirasi dan menyumbang kembali kepada masyarakat.

Sejak penubuhannya pada tahun 1996, Program Biasiswa PNB telah berkembang daripada sebuah inisiatif biasiswa yang menyokong sekumpulan kecil pelajar perintis kepada salah satu platform pembangunan bakat PNB yang paling lama. Melalui pelaburan berterusan dalam pendidikan, pembangunan profesional dan kepimpinan, program ini telah membuka peluang kepada generasi muda Malaysia, di samping memperkukuh saluran bakat masa depan negara, dan kekal teguh walaupun berdepan tempoh ketidaktentuan ekonomi dan pandemik.

Program ini bermula dengan hanya 10 orang pelajar. Kini, program tersebut telah membantu seramai 6,547 penerima biasiswa melalui pelbagai laluan pembelajaran yang merangkumi pendidikan menengah dan tinggi, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), program profesional serta program berkaitan warisan, dengan jumlah pelaburan terkumpul hampir RM570 juta.

Sepanjang tempoh tersebut, program biasiswa ini telah diperluaskan dengan menyediakan peluang melalui pelbagai inisiatif seperti *PNB Global Scholarship Award*, *PNB Merdeka Scholarship Award*, *Yayasan Tun Ismail Excellence Award*, *PNB Chartered Accountant Initiative*, Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI) PNB, BUDI TVET serta program pendidikan dan pembangunan profesional yang lain. Lebih daripada sokongan kewangan, para penerima biasiswa turut menerima sokongan persediaan akademik, bimbingan mentor, peluang latihan industri, pendedahan antarabangsa dan pembangunan berterusan untuk membantu mereka merealisasikan potensi diri serta mempersiapkan diri untuk peranan kepimpinan pada masa hadapan.

Antara pencapaian penting sepanjang perjalanan program ini termasuk penubuhan Kolej Ilmu PNB pada tahun 1998, dengan pengambilan pertama penerima biasiswa tempatan pada tahun 2004, pengenalan BUDI PNB pada tahun 2019 bagi menyokong pelajar daripada komuniti yang kurang mendapat kemudahan, serta BUDI TVET pada tahun 2024 bagi menyokong pelajar yang mengikuti laluan pendidikan teknikal dan vokasional.

Tiga Dekad Mencipta Impak

Sejak diperkenalkan, alumni penerima biasiswa PNB telah melanjutkan pengajian di institusi terkemuka di Malaysia dan luar negara, termasuk University of Oxford, University of Cambridge, Harvard University, Cornell University, Imperial College London, University College London, serta London School of Economics and Political Science.

Lebih penting lagi, ramai antara mereka kemudiannya menyumbang dalam sektor-sektor utama ekonomi dan masyarakat Malaysia. Seramai 333 alumni biasiswa PNB kini berkhidmat dalam organisasi, manakala alumni biasiswa turut membentuk 30% daripada Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan (MEXCO) PNB, mencerminkan peranan program ini dalam membangunkan saluran kepimpinan jangka panjang PNB.

Di luar PNB, alumni biasiswa memegang jawatan kepimpinan dan profesional dalam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), syarikat berkaitan kerajaan (GLC), kementerian, institusi awam dan sektor swasta. Sebahagian yang lain menceburi bidang perkhidmatan awam, penggubalan dasar, akademik dan keusahawanan, serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial Malaysia secara lebih meluas.

Pencapaian ini mencerminkan impak lebih luas program ini sebagai platform pembangunan bakat bukan sahaja untuk PNB, tetapi juga untuk negara.

Melabur dalam Bakat, Memperkukuh Masa Depan Malaysia

Program Biasiswa PNB mencerminkan komitmen PNB yang lebih luas dalam membangunkan bakat Bumiputera dan menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang Malaysia. Komitmen terhadap pembangunan modal insan ini menyokong aspirasi Ekonomi MADANI, termasuk memperkukuh daya saing Malaysia, memperluas peluang serta mempertingkatkan mobiliti sosial dan ekonomi rakyat.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB berkata, "PNB kekal komited untuk melabur dalam insan dan memupuk generasi bakat masa depan yang sumbangannya mampu memberikan impak lebih luas kepada masyarakat dan negara. Program Biasiswa PNB memperkukuh matlamat PNB untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi. Pelaburan dalam modal insan melengkapi peranan lebih luas PNB dalam mencipta nilai jangka panjang untuk Bumiputera, rakyat Malaysia dan negara."

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad